

Kerja Menaiktaraf Jalan Persiaran Masjid

UNIVERSITI Putra Malaysia sedang giat melaksanakan beberapa projek pembangunan di dalam Bandar Kampus Putra. Menurut sumber Bahagian Pembangunan, projek yang terbaru dangiat dilaksanakan sekarang ialah menaiktaraf Jalan Pesiaran Masjid, jalan pintas ke Sri Serdang dan selekoh masuk ke Kolej 10 dan Kolej 11.

Projek yang bermula semenjak Mei baru-baru ini dijangka siap pada 12 September 2001. Bahagian Pembangunan menasihati pengguna-pengguna laluan tersebut supaya mematuhi arahan pengawal trafik dan memerhatikan papantanda yang disediakan.

Bagi jemaah yang menunaikan solat Jumaat diingatkan memastikan keselamatan kenderaan yang diletakkan disepanjang jalan. Di samping itu kedudukan kenderaan mestilah tidak menghalang laluan pengguna lain.

Kerjasama ini sangatlah diharapkan bagi melicinkan kerja-kerja menaiktaraf jalan berjalan lancar.